

# Manulife Shariah PRS-Golden Asia Fund

Memanfaatkan peluang  
keemasan melabur di  
China dan India

🌐 [manulifeinvestment.com.my](http://manulifeinvestment.com.my)

☎ (03) 2719 9271

# Manulife Syariah PRS-Golden Asia Fund memanfaatkan potensi pertumbuhan di China & India

- Manulife Syariah PRS-Golden Asia Fund ("Dana") kini merupakan satu-satunya dana Skim Persaraan Swasta (PRS) di Malaysia yang akan melabur dalam portfolio skim pelaburan bersama Islam dengan matlamat mencapai peningkatan modal menerusi pendedahan kepada pasaran China dan India.
- China dan India adalah antara ekonomi sedang membangun yang dianggap sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi global<sup>1</sup>.

<sup>1</sup> Nasdaq: Six Emerging Markets to Watch in 2021, 22 January 2021: <https://www.nasdaq.com/articles/six-emerging-markets-to-watch-in-2021-2021-01-22>

## Apakah pemacu pertumbuhan penting di China dan India?

### Peluang khusus kepada sektor

#### China



##### Rantaian bekalan teknologi

- Peralihan kepada pembuatan tempatan di sektor hulu
- Kerja naik taraf foundri



##### Teknologi 5G

- Set telefon & IoT
- Komponen
- Lalu lintas data



##### Automasi perindustrian

- Robotik
- Kecerdasan buatan



##### Kenderaan elektrik

- Bateri
- OEM/ODM/Jenama
- Pemanduan berautonomi

Untuk tujuan ilustrasi sahaja. Bukan senarai eksklusif untuk peluang pelaburan. Sumber: Manulife Investment Management, Julai 2021.

#### India



##### Pengguna

- Pasaran pengguna kukuh
- Pertumbuhan penggunaan luar bandar



##### Perindustrian

- Potensi penggantian import dan pembuatan tempatan
- Strategi China+1



##### Teknologi

- Pemimpin dalam perkhidmatan IT luaran



##### Hartanah

- Pemandaran



##### Tenaga<sup>2</sup>

- Tenaga boleh diperbaharui demi menjana tenaga bersih, termampu dan boleh dipercayai



##### Penjagaan kesihatan<sup>3</sup>

- Pertumbuhan sektor farmaseutikal
- Pembekal ubat generik terbesar di dunia


Untuk tujuan ilustrasi sahaja. Bukan senarai eksklusif untuk peluang pelaburan. Sumber: Manulife Investment Management.

<sup>2</sup> India Brand Equity Foundation: Renewable Energy Industry in India, dikemas kini pada 17 Disember 2021.

<sup>3</sup> India Brand Equity Foundation: Indian Pharmaceutical Industry, dikemas kini pada 17 Disember 2021.

## Ciri demografi positif

### Dua negara paling ramai penduduk<sup>4</sup>




### Umur median<sup>4</sup>

China: 38 tahun      India: 28 tahun

Sumber: <sup>4</sup>World Population (2020 and historical), China population, India population - Worldometer, data pada 1 Julai 2020: <https://www.worldometers.info/world-population/>, <https://www.worldometers.info/world-population/china-population/>, <https://www.worldometers.info/world-population/india-population/>. Seperti yang dianggarkan oleh Jabatan Ekonomi dan Hal Ehwal Sosial Bangsa-Bangsa Bersatu, Bahagian Penduduk, Prospek Populasi Dunia: Semakan 2019.


### Keluaran dalam negara kasar (KDNK) 2021<sup>5</sup>

Dalam USD trilion



### KDNK per kapita 2021<sup>5</sup>

Dalam USD




<sup>5</sup> IMF: World Economic Outlook Database, April 2021, World Economic Outlook Database: | IMF

## “Infrastruktur Baharu” China dan inisiatif “*Make In India*”

### “Infrastruktur Baharu” China bakal dikuasai teknologi

China akan mengalihkan pertumbuhan pelaburan aset tetap daripada infrastruktur lama kepada infrastruktur baharu, yang bertujuan meningkatkan produktiviti dan menaik taraf automasi dalam jangka pertengahan.

### Perbelanjaan modal infrastruktur baharu CAGR (%) 2019-2021 (anggaran)



CAGR: Kadar pertumbuhan tahunan terkompoun

Sumber: Goldman Sachs Investment Research, IBES, setakat April 2020

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa peristiwa tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza secara ketara daripada yang ditunjukkan di sini

## Inisiatif 'Make In India'

- Pembangunan infrastruktur India dan usaha menggalakkan kegiatan pengilangan berpotensi mengubah sama sekali negara ini menjadi sebuah hab perniagaan global.
- Dipacu oleh upah yang kompetitif di peringkat global dan bekalan tenaga kerja muda yang tinggi.

## Sektor yang diberi tumpuan

- Automobil
- Komponen automobil
- Penerbangan
- Bioteknologi
- Bahan kimia
- Pembinaan
- Pengilangan pertahanan
- Mesin elektrik
- Sistem elektronik
- Pemprosesan makanan
- Teknologi maklumat (IT) dan pengurusan pemprosesan perniagaan (BPM)
- Kulit
- Media dan hiburan
- Perlombongan
- Minyak dan gas
- Farmaseutikal
- Pelabuhan dan perkapalan
- Kereta api
- Tenaga boleh diperbaharui
- Jalan raya dan lebuhraya
- Angkasa
- Tekstil dan kain
- Kuasa terma
- Pelancongan dan layanan
- Kesejahteraan

Sumber: Make In India, 2021: <https://www.makeinindia.com/about>; <https://www.makeinindia.com/sectors>. Untuk tujuan ilustrasi sahaja. Bukan senarai eksklusif untuk peluang pelaburan.

## Penggunaan dan kuasa beli yang semakin meningkat

### China


- Momentum penggunaan dalam talian dijangka terus kukuh. Dalam tempoh lima tahun akan datang, bandar raya peringkat rendah bakal menjadi pemacu pertumbuhan utama yang mendorong penembusan runcit dalam talian.
- Peruncitan dalam talian dijangka terus merangsang dan memenuhi permintaan baharu dengan kadar penembusan 37% daripada jumlah jualan runcit menjelang 2023 (anggaran).

Sumber: National Bureau of Statistics of China, Credit Suisse, setakat Mei 2020.

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain.

Tiada jaminan bahawa peristiwa tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza secara ketara daripada yang ditunjukkan di sini.

### Kadar penembusan runcit dalam talian China



### India


- Pasaran pengguna kukuh di India dijangka dipacu oleh pertumbuhan penggunaan luar bandar. Seiring pemulihan pertumbuhan ekonomi selepas pandemik, sektor budi bicara pengguna dijangka terus mencatatkan prestasi yang baik dengan tahap jualan produk budi bicara pengguna seperti barangan pengguna tahan lama, elektronik dan automobil yang lebih tinggi<sup>6</sup>.

Sumber: IMF, rencana media, syarikat, kajian Investec Securities, setakat pada Januari 2018. Nota: termasuk anggaran saiz pasaran pada Januari 2018 bagi penyaman udara, peti sejuk dan mesin basuh.

<sup>6</sup>Sumber: Manulife Investment Management, Julai 2021; Manulife Investment Management - 2021 Outlook: Indian Equities, Februari 2021.

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan lain berkaitan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain. Tiada jaminan bahawa peristiwa tersebut akan berlaku, dan keadaan masa depan mungkin berbeza secara ketara daripada yang ditunjukkan di sini.

### Saiz pasaran barangan pengguna tahan lama yang besar



# Nikmati ketenangan fikiran dengan pelaburan patuh Syariah

- *Sektor kewangan dikecualikan* untuk mengurangkan kebimbangan terhadap beban kewangan daripada proses pengurangan hutang.
- Pelaburan perlu menjalani saringan ketat pada dua peringkat, iaitu saringan aktiviti perniagaan dan saringan nisbah kewangan, yang hasilnya ialah pemilihan syarikat-syarikat dengan lembaranimbangan dan kecairan yang kukuh.

Faedah dan aktiviti tidak patuh Syariah meliputi kurang daripada 5% hasil.



## Insurans percuma bagi Ahli-Ahli Manulife Syariah PRS-Golden Asia Fund\*

### Perlindungan Takaful Kemalangan Diri Kumpulan (GPA) sehingga RM3 juta

Takaful GPA ialah pelan takaful yang dirangka untuk menyediakan perlindungan takaful kepada Ahli-Ahli Manulife Syariah PRS-Golden Asia Fund. Takaful ini memberikan pampasan kepada Ahli-Ahli sehingga maksimum RM3 juta setiap hayat, sekiranya berlaku kecederaan, kehilangan upaya atau kematian yang semata-mata disebabkan oleh kejadian malang, tidak disengajakan, luaran dan ketara.

Semua Ahli (sama ada sumbangan sendiri atau sumbangan oleh majikan bagi pihak kakitangan) layak untuk perlindungan insurans percuma.

Maklumat di atas adalah untuk makluman Ahli sahaja. Manfaat yang dinyatakan di dalam ini tertakluk kepada semua terma dan syarat Polisi Induk, yang salinannya boleh disemak di ibu pejabat Manulife Investment Management (M) Berhad.

Ditaja jamin oleh Zurich General Takaful Malaysia Berhad 201701045981 (1260157-U).

\*Tertakluk kepada terma dan syarat.

## Keupayaan kami dalam pelbagai aset

 **60**  
profesional pelaburan

 **25+**  
tahun pelaburan dalam pelbagai aset

 **\$169.7B**  
nilai aset di bawah pengurusan\*\*

Perhatian: Semua AUM dikira atas dasar nilai saksama dalam dolar A.S. (USD); Aset di bawah pengurusan (AUM) dan bilangan tahun pengalaman setakat 30 Jun 2021.

\*\*AUM termasuk semua peruntukan aset, indeks dan aset pelaburan berlandaskan liabiliti (LDI) \$44.77B dilaburkan ke dalam strategi Manulife IM lain di luar MAST.

Sumber: Manulife Investment Management, 30 Jun 2021.

## Maklumat penting dana

<b>Nama dana</b>	Manulife Shariah PRS-Golden Asia Fund (“Dana”)
<b>Penyedia</b>	Manulife Investment Management (M) Berhad 200801033087 (834424-U)
<b>Kategori dana</b>	Dana kepada Dana (Islam)
<b>Mata wang asas</b>	Ringgit Malaysia
<b>Objektif pelaburan</b>	Dana berusaha mencapai peningkatan modal dengan melabur dalam portfolio skim pelaburan bersama Islam.
<b>Profil Ahli</b>	Dana ini sesuai bagi Ahli yang: <ul style="list-style-type: none"><li>• mahu mencapai peningkatan modal dengan tumpuan pelaburan di pasaran China dan India;</li><li>• mempunyai tempoh pelaburan jangka panjang;</li><li>• mencari skim simpanan* persaraan tambahan selain daripada skim persaraan mandatori;</li><li>• tidak wajib di bawah undang-undang mencarum dalam skim persaraan mandatori;</li><li>• merupakan majikan yang mahu mencarum bagi pihak kakitangan dengan ciri-ciri di atas; dan/atau</li><li>• mahu melabur dalam pelaburan patuh Syariah.</li></ul> <p>*Perhatian bahawa Dana ini tidak dijamin modal atau dilindungi modal, oleh yang demikian modal Ahli tidak dijamin mahupun dilindungi.</p>
<b>Dasar dan strategi pelaburan</b>	Untuk mencapai objektif pelaburan, Dana akan melabur minimum 95% daripada nilai aset bersih (NAB) Dana dalam portfolio skim pelaburan bersama Islam yang bertujuan menghasilkan peningkatan modal menerusi pendedahan kepada pasaran China dan India. Dana akan melabur dalam sekurang-kurangnya dua (2) skim pelaburan bersama Islam pada setiap masa dengan matlamat pelaburan yang serupa dengan Dana.  Baki NAB Dana akan dilaburkan dalam aset cair Islam seperti wang tunai, instrumen pasaran wang Islam, akaun pelaburan am dan/atau deposit Islam dengan institusi kewangan untuk tujuan kecairan.  Dana mengguna pakai strategi pasif dengan membuat peruntukan NAB dana yang sama rata dalam kalangan skim pelaburan bersama Islam yang dilaburkan Dana. Portfolio Dana akan dipantau rapi dan diimbangi dari masa ke masa untuk memastikan aset Dana diperuntukkan menurut kaedah peruntukan aset yang ditetapkan.
<b>Penanda aras prestasi</b>	50% Indeks FTSE Shariah China + 50% Indeks Nifty Shariah 25 Perhatian: Penanda aras prestasi komposit memberikan ukuran seimbang tentang peruntukan aset Dana yang boleh melaburkan sekurang-kurangnya 95% NAB Dana dalam portfolio skim pelaburan bersama Islam dengan pendedahan kepada pasaran China dan India. Penanda aras prestasi di atas digunakan semata-mata untuk tujuan rujukan bagi perbandingan prestasi pelaburan. Profil risiko Dana tidak sama dengan profil risiko penanda aras prestasi. Maklumat penanda aras prestasi boleh didapati di <a href="http://www.manulifeinvestment.com.my">www.manulifeinvestment.com.my</a> .
<b>Harga tawaran awal</b>	Unit Kelas C: RMO.5000 seunit
<b>Tempoh tawaran awal</b>	Dua puluh satu (21) hari dari 14 Februari 2022 hingga 6 Mac 2022
<b>Caj jualan</b>	Unit Kelas C: Sehingga 3.00% NAB seunit
<b>Yuran pengurusan tahunan</b>	Unit Kelas C: Sehingga 1.80% setahun daripada NAB bagi kelas Unit Dana ini
<b>Yuran pemegang amanah tahunan</b>	Unit Kelas C: 0.025% setahun daripada NAB Dana. Yuran pemegang amanah tahunan tidak termasuk sebarang yuran dan caj subpenyimpan asing (jika ada).
<b>Pelaburan awal minimum</b>	RM100 atau jumlah lain yang lebih rendah seperti yang ditentukan oleh Penyedia dari masa ke masa.
<b>Pelaburan tambahan minimum</b>	RM100 atau jumlah lain yang lebih rendah seperti yang ditentukan oleh Penyedia dari masa ke masa.
<b>Dasar pengagihan</b>	Pengagihan pendapatan adalah mengikut keadaan, jika ada, dan akan dilaburkan semula secara automatik dan diagihkan sebagai Unit Dana tambahan. Perhatian: Untuk butiran lanjut, sila rujuk kepada dokumen pendedahan dana.
<b>Tahun kewangan berakhir</b>	31 Julai
<b>Tempoh bertenang</b>	Enam (6) Hari Perniagaan bermula pada tarikh penerimaan permohonan bagi tempoh bertenang oleh Penyedia.

**Penafian:** Maklumat di atas tidak disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan tertakluk kepada amaran, penafian, kelayakan atau terma dan syarat berkaitan yang dinyatakan di dalam ini. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Dokumen Pendedahan Manulife Shariah PRS NESTEGG Series bertarikh 14 Februari 2022 dan semua Lembaran Maklumat Penting Produk masing-masing (secara bersama dinamakan “Dokumen Tawaran”), yang boleh didapati di pejabat atau laman web kami, sebelum melabur. Dokumen Tawaran telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), bagaimanapun, pendaftaran dengan SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengesahkan produk tersebut. Terdapat risiko yang terbabit dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta ialah risiko turun naik kadar faedah, risiko tukaran asing atau mata wang, risiko negara, risiko politik, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko pihak yang berurusan, risiko pengurus dana sasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Untuk maklumat lanjut tentang profil risiko semua dana, sila rujuk kepada bahagian Faktor Risiko dalam Dokumen Tawaran. Harga unit dan pengagihan pendapatan mungkin turun atau naik. Pelabur hendaklah membandingkan dan mempertimbangkan yuran, caj dan kos yang terbabit. Pelabur dinasihatkan untuk menjalankan penilaian risiko sendiri dan berunding dengan penasihat profesional jika ragu-ragu tentang tindakan yang patut diambil.

Penanda aras Dana ialah Indeks Nifty Shariah 25 (“Indeks”) dan digunakan sebagai rujukan untuk tujuan perbandingan prestasi pelaburan. NSE INDICES LIMITED terlibat dalam perniagaan merangka, membina, mengumpulkan, mengira dan menyenggarakan pelbagai indeks ekuiti. Hubungan NSE INDICES LIMITED dengan Pengurus hanya berkaitan dengan hak yang diberikan untuk menggunakan tanda dagangan dan nama dagangan tertentu Indeks berhubung dengan penggunaan data yang berkaitan Indeks tersebut. Indeks ini ditetapkan, digubah dan dikira oleh NSE INDICES LIMITED tanpa kaitan dengan Pengurus. NSE INDICES LIMITED tiada kewajiban untuk mengambil kira keperluan Pengurus untuk menentukan, menyusun atau mengira Indeks. NSE INDICES LIMITED tidak menjamin ketepatan dan/atau kelengkapan Indeks atau sebarang data yang dimasukkan di dalamnya dan tidak menanggung liabiliti terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan atau gangguan di dalamnya. NSE INDICES LIMITED tidak membuat apa-apa jaminan sama ada tersurat atau tersirat mengenai keputusan yang diperolehi oleh Pengurus atau mana-mana orang atau entiti lain daripada penggunaan Indeks atau apa-apa data yang termasuk di dalamnya. NSE INDICES LIMITED tidak membuat jaminan secara tersurat atau tersirat, dan dengan nyata menafikan sebarang jaminan kebolegunaan atau kesesuaian untuk tujuan atau kegunaan tertentu berhubung dengan Indeks atau apa-apa data yang termasuk di dalamnya. Tanpa mengindahkan mana-mana daripada di atas, NSE INDICES LIMITED dengan nyata menolak sebarang dan semua liabiliti bagi apa-apa kerosakan atau kerugian yang timbul daripada penggunaan Indeks atau apa-apa data yang termasuk di dalam ini oleh mana-mana pihak ketiga, termasuk sebarang dan semua ganti rugi langsung, khas, punitif, tidak langsung atau turutan (termasuk kehilangan untung), walaupun sudah diberitahu tentang kemungkinan ganti rugi sedemikian.

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan yang timbul daripada terjemahan Bahasa Malaysia brosur ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Manulife Investment Management (M) Berhad  
200801033087 (834424-U)